



Lebih 10,000 produk MR. DOLLAR kekal RM2

KUALA LUMPUR: Peruncit harga tetap, MR. DOLLAR komited mengekalkan harga RM2 bagi 10,000 produk popular, meskipun laporan terbaharu **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** menunjukkan peningkatan ketara harga beberapa kategori barangan pengguna.

MR. DOLLAR, salah satu anak syarikat peruncit perkakas rumah terbesar Malaysia, Kumpulan MR D.I.Y., terkenal dengan rangkaian produk meluas yang ditawarkan pada harga tetap serta digelar 'Kedai Harga Tetap'.

Ketua Pemasaran Kumpulan MR D.I.Y., Alex Goh, berkata syarikat memahami pergelutan rakyat pada hari ini, dengan pelbagai isu yang memberi kesan pada rantai bekalan global, kenaikan harga oleh peruncit tidak dapat dielakkan.

"Bagaimanapun, dengan analisis data yang ketat serta hubungan baik secara langsung dengan pengilang global, MR. DOLLAR komited untuk mengekalkan harga RM2 pada lebih 10,000 barangan harian.

"Ini adalah salah satu cara kami membantu rakyat Malaysia dengan memberi lebih nilai di samping membantu berjimat-cermat agar mereka yakin untuk berbelanja demi memenuhi keperluan keluarga," katanya dalam satu kenyataan.

MR. DOLLAR menawarkan pelbagai rangkaian produk dalam 10 kategori iaitu coklat & manisan; kudapan & biskut; bahan masakan; barangan runcit; minuman; produk bakeri; makanan dingin & sejuk beku; perkakasan; dan alat tulis, mainan & barangan sukan berharga RM2 atau RM5.

Selain harga tetap yang menarik, MR. DOLLAR turut menawarkan persekitaran membeli belah yang selesa dengan lorong yang luas dan berhawa dingin untuk pelanggan.

MR. DOLLAR turut menawarkan keperluan perlindungan peribadi seperti pelitup muka, sanitasi tangan, pelindung muka, disinfektan dan kit ujian COVID-19 dengan harga rendah.

April lalu, MR. DOLLAR menegaskan untuk tidak menaikkan harga barangan di cawangannya dalam kempen 'Harga Kami Tetap Sama' dengan menyatakan bukan masa untuk menaikkan harga barangan kepada pengguna

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2022/06/961960/lebih-10000-produk-mr-dollar-kekal-rm2>